

Kemampuan Bumiputera simpan saham lebih penting

BH 26 MAY 1984

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah tidak penting sama ada tempoh Dasar Ekonomi Baru ditamatkan pada tahun 1990 seperti ditetapkan atau diteruskan.

Yang penting, kita beliau, ialah kemampuan masyarakat Bumiputera mengekalkan kekayaan yang sudah mereka miliki apabila tiba tempoh itu.

Tambah Perdana Menteri, sekalipun Bumiputera berjaya memiliki 30 peratus dari sektor syarikat menjelang 31 Disember, 1990, DEB tidak bermakna jika pada 1 Januari tahun berikutnya, rakyat Bumiputera menjual hakmilik mereka bagi mendapatkan wang tunai.

lengkapkan diri dengan pelbagai kepakaran di bidang pengurusan dan profesional. Perubahan sikap harus juga berlaku di kalangan majikan dan pekerja.

Penubuhan 'in-house union' atau kesatuan pekerja dalam syarikat, kata Perdana Menteri, boleh menolong mcludkan ekonorn kerana majikan kecil dan sederhana tidak dibebani oleh pelbagai tuntutan yang tidak berpatutan oleh pekerja-pekerja mereka.

Tuntutan

Perdana Menteri berkata kerajaan akan menentang apa juga percubaan membantutkan pencapaian matlamat dasar itu, termasuk pelancaran Amanah Saham Nasional.

"Skarang kita perlu tanya diri kita, sama ada kita benar-benar mahu bahagian kita dalam ekonomi negara. Soalnya perlu ditanya kerana baru-baru ini soal haram-halal ASN telah dibangkitkan semula oleh orang-orang yang berkepentingan," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, orang Islam yang berhajat memajukan sistem ekonomi Islam mestilah tahu menyusun langkah dan menggunakan sistem orang lain dahulu.

Katanya, sistem Islam adalah praktikal. Yang menggagalkan sistem Islam, bukanlah agama Islam tetapi tindakan buta-tuli penganut-penganut Islam.

Beliau menegaskan, pembentukan ASN adalah antara

nomi negara, lebih-lebih lagi jika Bank Islam juga kita tidak mahu terima," ujarnya.

Beliau menjelaskan, jika ini berlaku, orang Islam akan lumpuh sama sekali.

Perdana Menteri berkata terpujanglah kepada umat Islam sama ada mahu menolong diri sendiri atau menjadi orang yang berpura-pura yang sanggup bertindak cuma kerana politik partisementara berpura-pura dengan keislamannya. Beliau berkata ahli-ahli Umno tidak suka kepada orang-orang hipokrit.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, ekonomi dunia di zaman moden ini bukan dibentuk dan diusahakan oleh orang Islam. Oleh itu,